

19 DEC 1996

Misuari-Diplomasi

MISUARI GUNAKAN DIPLOMASI ISLAM DAPATKAN SOKONGAN PEJUANG MINDANAO

Oleh: Azman Ujang

PETALING JAYA, 19 Dis (Bernama) -- Nur Misuari hari ini berikrar untuk menggunakan "diplomasi pujukan Islam" untuk mendapatkan kerjasama kumpulan Islam yang tidak bersekongkol dengan Barisan Pembebasan Moro (MNLF) bagi membantu melaksanakan perjanjian damai yang ditandatangani 2 Sept lalu, yang menamatkan perjuangan bersenjata selama 25 tahun di wilayah Filipina Selatan.

Misuari, yang dilantik sebagai gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARRM) selepas termeterainya perjanjian bersejarah antara MNLF dan kerajaan Filipina itu, berkata bentuk diplomasi bercirikan Islam itu adalah "lebih gagah daripada senjata paling gagah yang terdapat dalam gudang senjata Filipina" untuk meleraikan ancaman berperang di wilayah itu.

"Islam merupakan sebuah agama perdamaian. Kita boleh mendapat ubatnya menerusi Islam dan bukan melalui senjata. Ini telahpun berjalan dan Mindanao kini lebih aman daripada sebelumnya," katanya di majlis ceramah makan tengah hari di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini.

Misuari, yang berada di sini bersama delegasi 20 anggota untuk menarik pelaburan dari Malaysia, bagi membantu dalam pembangunan semula Mindanao, menolak dakwaan bahawa meskipun ada perjanjian damai, pergeseran di kalangan puak-puak Islam sendiri -- dan bukan antara kumpulan Islam dan Kristian -- boleh membawa wilayah itu menjadi satu lagi Afghanistan.

"Saya beri jaminan bahawa perkara ini tidak akan berlaku, tidak mungkin berlaku. Ya, pemimpin puak-puak yang memerintah Afghanistan dahulu dan sekarang adalah kawan saya. Tetapi kami mempunyai pemikiran yang berbeza," kata bekas profesor universiti yang menyampaikan ceramahnya selama 90 minit tanpa merujuk kepada teks mengenai keadaan politik dan keselamatan di Mindanao. Turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawai dan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Ismail Omar.

Beliau berkata walaupun perdamaian yang berkekalan dan utuh merupakan paksi bagi pembangunan semula ekonomi di Mindanao, kemajuan ekonomi hasil perdamaian itu juga penting supaya penduduk wilayah itu dapat menikmatinya segera.

Tujuan utama lawatan Misuari, yang tiba di sini Ahad lepas, ke negara ini adalah untuk mendapat bantuan supaya projek-projek pembangunan infrastruktur asas dapat dimulakan dengan segera, bagi memulihkan aktiviti ekonomi dan seterusnya mengurangkan ketegangan sosio-politik, yang menjadi punca pertelingkahan selama suku abad itu.

Misuari berkata beliau sentiasa mengharapkan "saudara-saudara saya di Malaysia" di saat-saat memerlukan dan menambah kata beliau telah mendapat lebih semangat daripada jaminan bantuan kepada Mindanao yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Keamanan sendiri merupakan satu matlamat dan merupakan satu cara untuk satu lagi matlamat -- iaitu pembangunan ekonomi kerana tanpa keamanan tidak akan wujud sebarang pembangunan ekonomi," katanya.

Mindanao sangat-sangat memerlukan jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan, sekolah, hospital dan projek perumahan untuk meningkatkan ekonominya di samping "rakyat kami dapat ikut serta dalam kemakmuran yang kami miliki."

"Dengan berakhirnya konflik ini, keamanan sudah pasti wujud di Mindanao dan satu perdamaian yang adil, menyeluruh dan berpanjangan akan menyusul. Dan kami sudahpun menandatangani banyak MoU, termasuk dengan

syarikat-syarikat Malaysia yang mahu melabur di sana". katanya.

Beliau memberitahu majlis itu yang dihadiri oleh kebanyakannya para diplomat yang masih berkhidmat dan yang telah bersara, bahawa para peniaga yang melabur wang mereka di Mindanao akan memperolehi keuntungan kerana wilayah itu kaya dengan sumber-sumber seperti emas, nikel, petroleum dan gas.

Simpanan berjumlah 110,000 juta tong petroleum dan lima trilion kaki sepadu gas asli telah dijumpai di Mindanao, yang mempunyai jumlah penduduk seramai 30 juta termasuk enam juta penduduk Islam.

"Biasanya, saya diberitahu minyak akan didapati setelah digali sedalam antara 7,000 dan 12,000 kaki, tetapi di Mindanao emas hitam ini dijumpai sedalam 4,000 kaki. Oleh itu prospek ekonomi benar-benar cerah," katanya.

Kata beliau, syarikat minyak negara Malaysia, Petronas, telah menyatakan hasrat untuk menerokai minyak di kawasan itu.

Dalam sesi soal jawab, Misuari ditanya apa yang telah menyebabkan beliau akhirnya bersetuju menandatangani perjanjian damai itu, dan sama ada ia ada kaitan dengan tawaran jawatan gabenor.

"Berikan perdamaian peluang," jawabnya dengan spontan. Tetapi kata beliau ARRM hanya merupakan mekanisme sementara untuk selama dua tahun setengah, sementara perjanjian Tripoli yang ditandatangani pada awal tahun 1980'an yang membenarkan pemerintahan sendiri di wilayah autonomi Islam Mindanao masih terikat dan akan dilaksanakan akhirnya pada kertas dan semangat.

Sambil memuji kepimpinan Presiden Ramos, beliau berkata masanya tepat bagi perjanjian damai itu kerana sekiranya tidak ia akan membawa kepada kehancuran proses perdamaian dan seterusnya peperangan.

Beliau menambah: "Sudah tentu di pihak kami, kami terpaksa berlembut dalam beberapa hal daripada permintaan asal. Tetapi saya percaya kami akan dapat cara lain sebagai ganti kepada rakyat di 14 dari 24 wilayah Mindanao di bawah kuasa kami." -- BERNAMA

AU WAT